

Kerajaan batal 68 passport rakyat Malaysia sertai IS
Free Malaysia Today
Ogos 7, 2016

Mereka akan dikenakan tindakan mengikut Akta Imigresen jika mereka pulang ke negeri ini

KUALA SELANGOR: Kerajaan membatalkan 68 passport rakyat Malaysia yang menyertai kegiatan Daesh di negara-negara terlibat dengan militan itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata pembatalan itu berkuat kuasa dua minggu lalu selepas mendapat arahan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

“Daripada maklumat perisikan, passport rakyat Malaysia yang terlibat (dengan IS) telah diarah untuk dibatalkan, jadi mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan lagi sebagai warganegara Malaysia.

“Jika mereka pulang ke negara ini, tindakan perundangan akan diambil terhadap mereka mengikut Akta Imigresen,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuala Selangor, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan, Anggota Parlimen Kuala Selangor Datuk Seri Irmohizam Ibrahim dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor Datuk Ishak Haron.

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO berkata terdapat dua keluarga iaitu di Shah Alam dan Ipoh, Perak, bertindak menjual rumah, restoran dan kereta masing-masing untuk menyertai perjuangan militan IS di Syria.

“Berdasarkan risikan, kedua-dua keluarga ini tinggalkan segalanya dan bawa anak-anak kecil ke Syria kononnya ingin berjihad untuk mencari jalan singkat ke syurga.

“Berdasarkan laporan yang saya terima, mereka yang kononnya ingin berjuang dengan Daesh di Iraq dan Syria berakhir dengan jadi pencuci tandas atau penyapu sampah di jalanan sahaja ...ternyata semuanya indah khabar dari rupa.

“Saya dapat tahu mereka menyesal dan nak balik ke Malaysia tetapi kerajaan telah keluarkan arahan untuk batalkan passport mereka serta merta. Kita tidak mahu kompromi dengan mereka yang khianati negara dan kita tidak iktiraf mereka sebagai rakyat Malaysia,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zahid berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedang menjejaki lapan butir bom tangan yang dipercayai masih berada di tangan militan IS di negara ini.

Beliau berkata, dua daripada 10 bom itu telah digunakan dalam serangan di sebuah pusat hiburan di Puchong, pada Jun lepas.

“Kita nak pastikan rakyat tidak terjejas dan terganggu dengan perbuatan mereka (IS).

“Langkah keselamatan dan kawalan juga sedang dipertingkatkan,” katanya.

Tambah Ahmad Zahid, isu membabitkan militan Daesh bukan satu pengalihan atau sengaja diadakan untuk menakutkan rakyat kerana ia adalah ancaman sebenar.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/07/kerajaan-batal-68-pasport-rakyat-malaysia-sertai-is/>